



# 65 Tahun Hubungan Malaysia dengan Jepun

Oleh: Zulfiqar Mohd Yusof

Pada bulan Ogos 2022 ini, genaplah 65 tahun hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Jepun, dan ulang tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur (DPT). Hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Jepun terjalin secara rasminya pada 31 Ogos 1957 sebaik sahaja Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Pada 9 September 1957, negara Jepun membuka kedutaannya di Kuala Lumpur, diikuti dengan lawatan Perdana Menteri Jepun, Nobusuke Kishi ke Kuala Lumpur pada bulan November 1957. Pada tahun 1958, Perdana Menteri kita, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Menteri Perdagangan dan Industri, Tan Siew Sin pula mengadakan lawatan ke Tokyo, Jepun.

Dari tahun 1957 hingga tahun 1958, terdapat 10 buah cawangan firma perdagangan Jepun di tanah air kita. Pelaburan Jepun yang berorientasikan eksport mula mengalir masuk ke Malaysia pada pertengahan tahun 1960. Kedua-dua buah kerajaan menandatangani Perjanjian Perdagangan pada 10 Mei 1960. Pada 11 Februari 1965 pula, Perjanjian Perkhidmatan Udara ditandatangani.

Isu penting sebelum Kuala Lumpur-Tokyo menjalinkan hubungan diplomatik adalah berkaitan dengan bayaran pampasan perang. Perundingan berkaitan dengan pampasan perang dimulakan pada tahun 1963 dan mencapai kata sepakat pada tahun 1967. Kementerian Luar Negeri Malaysia pada bulan Januari 1965, mengumumkan persetujuan awal dicapai dalam penyelesaian masalah bayaran pampasan perang.

Pada masa yang sama, Tokyo bersetuju membina sebuah kolej universiti di Pulau Pinang. Pada 5 Oktober 1966, Jepun menawarkan bayaran pampasan perang sebanyak RM50 juta. Daripada jumlah tersebut, RM25 juta diberi secara tunai, manakala bakinya dalam bentuk bekalan dan perkhidmatan. Tokyo juga menawarkan dua buah kapal, perkhidmatan dan bayaran tunai sebanyak RM25 juta pada tahun 1967.

Bagi menjayakan agenda pembangunan ekonomi negara,

## *Pelaburan Jepun yang terbesar di Malaysia menjelang tahun 1969 ialah Lombong Kuprum Mamut di Sabah.*



**Tunku Abdul Rahman  
Putra Al-Haj**

Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dalam Persidangan Tokyo pada bulan April 1966 mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pinjaman sebanyak RM50 juta bagi membiayai Rancangan Malaysia Pertama.

Tokyo dilihat negara yang sesuai untuk dipohon pinjaman atas faktor prestasi ekonomi yang baik pada tahun 1960-an. Jepun mempunyai kadar pertumbuhan tahunan dan tetap; pelaburan yang tinggi; peningkatan eksport; perubahan dalam struktur pengeluaran domestik, dan kadar tabungan yang tinggi.

Pada 1 Ogos 1967, loji keluli Malayawata yang bernilai RM72 juta dibina di Prai, Pulau Pinang hasil kerjasama Malaysia dan Jepun. Perdana Menteri Jepun, Eisaku Sato bersama-sama 25 orang ahli delegasi membuat lawatan rasmi ke Malaysia dari 22 hingga 26 September 1967. Bersempena dengan lawatan tersebut juga, Sato mengurniakan pingat *First Class Order of the Rising Sun* kepada Tunku Abdul Rahman. Sato pula dikurniakan pingat Seri Maharaja Mangku Negara oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.



**Eisaku Sato**

Pelaburan Jepun yang terbesar di Malaysia menjelang tahun 1969 ialah Lombong Kuprum Mamut di Sabah. Setakat 31 Mac 1970, terdapat 189 usaha sama antara Malaysia dengan Jepun berbanding dengan 46 usaha sama pada tahun 1969, 22 usaha sama pada tahun 1965 dan lapan usaha sama pada tahun 1962.

Apabila Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, beliau melawat Jepun dari 13 hingga 17 Oktober 1970. Hubungan ekonomi yang baik menyebabkan negara Jepun menjadi antara rakan dagang Malaysia terpenting. Pada

tahun 1970, nilai perdagangan Malaysia daripada negara Jepun adalah sebanyak 18%. Jepun merupakan pelabur keempat terbesar di Malaysia dengan nilai pelaburan sebanyak USD42 juta.

Selepas tahun 1970, para pelabur Jepun mula melabur melalui usaha sama agensi awam di Malaysia seperti Perbadanan Nasional Bhd. (PERNAS), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Federal Land Development Authority (FELDA).

*Satu daripada kejayaan lawatan tersebut ialah negara Jepun meluluskan pinjaman bernilai RM114 juta kepada Malaysia bagi pembinaan Empangan Temenggor.*



Kumpulan Elektronik Matsushita memiliki hampir 63% atau RM25 juta daripada keseluruhan modal yang dilaburkan oleh Jepun dalam sektor elektronik Malaysia. Pada Ogos 1973, terdapat 68 buah syarikat usaha sama Jepun di Malaysia. Pelaburan dalam industri tekstil berkembang pesat dengan penubuhan Kumpulan Pen (Toray) dan Kanebo di Zon Perdagangan Bebas di Prai dan Toyobo di Perak dan Kedah.

Pada 13 hingga 15 Januari 1974, Tanaka mengadakan lawatan ke Kuala Lumpur. Satu daripada kejayaan lawatan tersebut ialah negara Jepun meluluskan

pinjaman bernilai RM114 juta kepada Malaysia bagi pembinaan Empangan Temenggor. Kontrak empangan tersebut diberi kepada kontraktor Jepun iaitu, Hazama Gumi Ltd. dan Mitsubishi Corporation. Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn melawat Tokyo dari 18 hingga 23 September 1977 untuk bertemu dengan rakan sejawatannya, Fukuda bagi membincangkan peranan Jepun dalam meningkatkan pelaburan dan bantuan ekonomi kepada Malaysia. Tun Hussein juga meminta lebih banyak syarikat sektor swasta melabur di Malaysia.

Pada akhir tahun 1979, terdapat 254 buah syarikat Jepun di Semenanjung Malaysia. Manakala, 51 buah syarikat lagi berada di Malaysia Timur. Jepun juga mengatasi Singapura sebagai pelabur terbesar Malaysia pada tahun yang sama. Jumlah pelaburan Jepun adalah sebanyak RM243.1 juta berbanding dengan Singapura yang hanya bernilai RM215.9 juta.

Usaha sama Jepun di Malaysia dari tahun 1971 hingga tahun 1980 melibatkan sektor, antaranya termasuklah pembuatan, pertanian, perikanan dan perhutanan, perbankan, perdagangan, pembinaan, perlombongan, pergudangan, hartanah, perkhidmatan, dan pengangkutan.

Negara Jepun juga mempunyai pegangan ekuiti dalam bank-bank tempatan, antaranya termasuklah:

1. Amanah-Chase Merchant Bank Ltd. (9% pegangan Mitsubishi Bank).
2. Aseanbankers Malaysia Bhd. (5.5% pegangan Bank Dai-Ichi Kangyo).
3. Asian International Merchant Bankers Bhd. (15% pegangan Bank Fuji).
4. Bumiputra Merchant Bankers Bhd. (7.5% pegangan Bank Tokyo).
5. D & C Nomura Merchant Bank Bhd. (30% pegangan Nomura Securities Co. Ltd. dan 10% pegangan Bank Mitsui Ltd.).
6. UDA Merchant Bank Bhd. (10% pegangan Bank Industri Jepun).
7. Pertanian Baring Sanwa Multinational Berhad (16% pegangan Bank Sanwa).

Tun Dr. Mahathir cuba menerapkan nilai budaya dan etika kerja Jepun di Malaysia melalui DPT. Dasar tersebut

dilancarkan pada 8 Februari 1982 sewaktu persidangan, 5th Joint Annual Conference of MAJECA/ JAMECA di Hilton, Kuala Lumpur. Secara umumnya, DPT bertujuan mengurangkan kebergantungan ekonomi Malaysia terhadap Barat, terutamanya Britain; mencontohi model negara pembangunan serta budaya dan etika kerja Jepun; menarik pelaburan Jepun, dan memudahkan Malaysia memacu perindustrian berat.

DPT diimplementasikan pada peringkat luaran dan dalaman. Peringkat luaran melibatkan pembangunan modal insan. Aliran bantuan teknikal dari negara Jepun ke Malaysia adalah dalam bentuk latihan jangka pendek. Manakala, pelajar Malaysia dihantar ke Jepun untuk pendidikan vokasional dan tertiar (jangka panjang).

Pelatih kejuruteraan pertama Malaysia dihantar ke Jepun pada tahun 1982. Pada tahun 1984, pelajar tajaan kerajaan Malaysia diterima masuk ke beberapa buah universiti di Jepun. Pada peringkat dalaman pula, Malaysia menerapkan dan mempromosikan etika dan budaya kerja Jepun dalam sektor awam dan swasta.

Bagi mengubah Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian, satu daripada strategi utama adalah dengan menggalakkan syarikat multinasional Jepun membentuk usaha sama dengan syarikat-syarikat di Malaysia. Sebagai contohnya, usaha sama antara Nippon Steel Corporation dengan Heavy Industries Corporation of Malaysia (HICOM) untuk menubuhkan Perwaja Steel. Sementara itu, Mitsubishi Motors Corporation dengan HICOM bagi memulakan projek automobil nasional Malaysia melalui penubuhan Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (PROTON).

DPT berjaya meningkatkan nilai perdagangan bilateral antara Malaysia dengan Jepun daripada USD8.08 bilion dari tahun 1986

hingga tahun 1990 kepada USD18.79 bilion dari tahun 1991 hingga tahun 1995. Kemudiannya, nilai perdagangan kedua-dua buah negara melonjak hingga USD24.26 bilion dari tahun 1996 hingga tahun 2000.

DPT juga membuka jalan kepada aliran masuk Official Development Assistance (ODA) Jepun yang besar. Malaysia muncul sebagai sebuah negara penerima terbesar di Asia, terutamanya dalam bentuk pinjaman bilateral. Dari tahun 1969 hingga tahun 2001, Malaysia menerima pinjaman bilateral berjumlah 827.4 juta Yen. Jumlah kumulatif pinjaman bilateral Jepun yang diterima oleh Malaysia hingga tahun 2004 adalah sebanyak 916 bilion Yen.

Malaysia juga menerima bentuk lain ODA Jepun seperti geran bilateral (bantuan tanpa bayaran balik) dan kerjasama teknikal. Dari tahun 1995 hingga tahun 2000, Jepun menyediakan geran bilateral bernilai USD426.21 juta kepada Malaysia. Manakala, pada tahun 2004, Malaysia menerima sebanyak USD45 juta yang merupakan bantuan dalam bentuk kerjasama teknikal.

Pada 13 Disember 2005, Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun-Malaysia ditandatangani dan mula dikuatkuasakan pada 13 Julai 2006. Perdagangan antara Malaysia dengan Jepun menyaksikan turun naik atas beberapa faktor seperti peningkatan perdagangan antara Malaysia dengan China dan penularan COVID-19.

Pelaburan Langsung Asing atau Foreign Direct Investment (FDI) Jepun ke Malaysia juga mengalami turun naik dari tahun 2012 hingga tahun 2020. Namun, nilainya lebih besar berbanding dengan Pelaburan Langsung Asing China ke Malaysia. Pada tahun 2012, Pelaburan Langsung Asing Jepun bernilai RM5872 juta.

Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian budaya, keindahan alam semula jadi dan biodiversiti menjadikannya popular sebagai destinasi percutian dalam kalangan rakyat Jepun. Pada tahun 2000, sebanyak 455 981 orang pelancong Jepun melancong ke Malaysia. Jika dibuat perbandingan, kemasukan pelancong China ke Malaysia mengatasi Jepun. Pada tahun 2000, jumlah pelancong China yang tiba di Malaysia adalah sebanyak 501 590 orang.

Ketibaan pelancong Jepun ke Malaysia merosot teruk akibat pandemik COVID-19 yang menyebabkan kerajaan terpaksa melaksanakan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac 2020 bagi mengekang penularannya. Pendapatan negara daripada sektor pelancongan hanya meraih RM12.69 bilion pada tahun 2020 berbanding dengan RM86.14 bilion pada tahun 2019. Hubungan Malaysia dan Jepun masih kukuh walaupun berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 yang memberi kesan terhadap ekonomi kedua-dua buah negara.

Hubungan akrab Kuala Lumpur dan Beijing juga tidak menghalang Malaysia untuk terus memperkukuh hubungan dengan Jepun. Pada bulan Mac 2022 yang lalu, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob bertemu dengan mantan Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe. Antara perkara yang dibincangkan oleh kedua-dua orang tokoh pemimpin ini, termasuklah hubungan bilateral, pandemik COVID-19, kerjasama pelaburan, perkembangan geopolitik antarabangsa, dan isu serantau.

Abe menyifatkan DPT sebagai asas hubungan bilateral yang lebih mesra. Menurut beliau, di bawah DPT, lebih 26 000 orang anak-anak muda Malaysia berpeluang belajar dan mendapat latihan di Jepun. Lawatan Abe itu juga mencerminkan hubungan Kuala Lumpur dan Tokyo masih kukuh. 